

BAB SATU

BAB SATU

PENGENALAN

1.0 Pendahuluan

Bahasa Arab merupakan salah satu bahasa yang sudah berkurun diajar dan dipelajari di Malaysia. Bagi masyarakat yang beragama Islam, bahasa Arab merupakan satu bahasa yang tidak boleh dipisahkan dari kehidupan seharian kerana ia merupakan bahasa yang digunakan dalam konteks hubungan mereka dengan Allah setiap kali mereka menunaikan ibadat khusus seperti *salat*, *dhikr* dan ketika mereka membaca al-Qur'an, firman Allah:

(إِنَّا أَنزَلْنَاهُ قُرْءَانًا عَرَبِيًّا لَعَلَّكُمْ تَعْقِلُونَ)

(Yusuf: 2)

Maksudnya: “Kami telah turunkan kepadanya al-Quran dalam bahasa Arab semoga kamu memahaminya.”

Ia juga menjadi penting kerana rujukan-rujukan asal yang melibatkan ilmu-ilmu keagamaan khususnya Hadith Rasullullah (SAW), Tafsir, Tauhid, Fiqah serta termasuklah juga ilmu-ilmu Perubatan dan Falsafah merupakan karya-karya yang ditulis oleh ulama'-ulama' terdahulu dengan menggunakan bahasa Arab.

Dalam hadis juga ada disebut tentang kepentingan bahasa Arab:

(أَحَبُّوا الْعَرَبَ لِلَّاتِ: لِأَنَّى عَرَبِيٌّ وَالْقُرْآنُ عَرَبِيٌّ وَكَلَامُ أَهْلِ الْجَهَةِ عَرَبِيٌّ)

(رواد الطبراني والحاكم والبيهقي)

Maksud Hadis: “*Sayangilah bangsa Arab kerana tiga sebab: kerana aku (Rasulullah SAW) orang Arab. Al-Quran dalam bahasa Arab dan percakapan ahli syurga adalah dalam bahasa Arab*”. (*Diriwayatkan oleh al-Tabrani dan al-Hakim dan al-Baihaqi*)

Jika dikirakan dalam konteks perhubungan antarabangsa juga bahasa Arab merupakan di antara bahasa yang terpenting. Cyrill Glasse telah mengatakan dalam tulisannya: “*Arabic, the language of Koran, and the Arabs, today the most important language of semitic group, spoken by over 1000 million people and understood by many more*” (Cyrill Glasse. 1989)

“ Bahasa Arab, bahasa al-Quran, dan orang Arab, sekarang adalah kumpulan semitik yang terpenting, yang dituturkan oleh seribu juta orang penutur dan difahami ramai”

1.1 **Latarbelakang Kajian**

Berdasarkan pengalaman selama lima tahun terlibat secara langsung di dalam bidang pengajaran bahasa Arab, penulis mendapati kemampuan pelajar kita masih di bawah tahap yang memuaskan khususnya dalam menguasai kosa kata sama ada dalam pertuturan maupun penulisan. Penulis juga mendapati masih kurang sumber-sumber tulisan lampau yang memfokuskan tentang pengajaran dan pembelajaran kosa kata khususnya dalam bahasa Arab. Kebanyakan para sarjana bahasa lebih memberi tumpuan kepada masalah Nahu (Sintaksis) dan Morfologi (Saraf). Penulis mengambil inisiatif untuk membuat disertasi ini sebagai kesinambungan kepada hasil tulisan-tulisan para sarjana bahasa yang telah sedia ada di samping mencerahkan idea-idea baru demi meningkatkan tahap keberkesanan pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab di negara kita .

Penulis telah memilih tajuk “ Pengajaran kosa kata Bahasa Arab” sebagai tajuk kajian bagi kursus Sarjana Pengajian Bahasa Moden yang bertujuan untuk memberi pendedahan tentang kelemahan-kelemahan yang masih ujud di dalam sistem pengajaran dan pembelajaran yang menghalang penguasaan pelajar dalam Bahasa Arab khususnya bagi pelajar di UiTM (Universiti Teknologi Mara) yang mempelajari Bahasa Arab sebagai bahasa ke tiga (asing).

Penulis berpendapat, kelemahan yang paling ketara yang merupakan salah satu punca utama menghalang penguasaan Bahasa Arab iaitu kelemahan pelajar dalam menguasai kosa kata (*mufradat*) yang menjadi “inti” kepada sesuatu bahasa kerana tanpa penguasaan kosa kata , pelajar tidak akan berupaya untuk bertutur dan menulis dengan baik.

Keinginan ini tercetus hasil dari pemerhatian penulis sebagai salah seorang pensyarah bahasa Arab di UiTM. Penulis mendapati masih terlalu ramai pelajar yang tidak dapat mengingati dan menguasai Kosa kata (*mufradat*) serta menggunakan dalam konteks ayat yang sesuai sama ada di dalam pertuturan maupun penulisan. Ini menyebabkan mereka gagal untuk mempraktikkan bahasa yang dipelajari.

Disertasi ini adalah bertujuan untuk mencari jalan penyelesaian yang berkesan demi membantu meningkatkan pencapaian pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab komunikasi peringkat pertengahan di IPT khususnya di UiTM. Semoga dengan terhasilnya disertasi ini, akan memperbanyakkan lagi sumber penulisan ilmiah di dalam kaedah pengajaran BA khususnya dalam bidang kosa kata insyaAllah.

Dalam kajian ini, Insyaallah penulis akan menggunakan kaedah penyelidikan dan perpustakaan. Penyelidikan melalui cara soal selidik merupakan cara yang paling berkesan untuk memastikan permasalahan dan kelemahan yang wujud.

1.2 **Pernyataan Masalah**

Pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab sebagai bahasa asing atau bahasa ketiga di kalangan para pelajar di Universiti Teknologi Mara merupakan bahasa elektif di antara beberapa bahasa asing lain. Perlaksanaan usaha-usaha pengajaran dan pembelajaran bahasa ini sebagaimana yang diamalkan adalah mengikut kurikulum yang telah sedia ada di Unit Bahasa Arab, Pusat Bahasa. Untuk itu, usaha-usaha pengajaran dan pembelajaran yang melibatkan kosa kata berdasarkan pengamalan yang berlaku mempunyai beberapa masalah yang menyebabkan penguasaan kosa kata di kalangan pelajar berada di bawah tahap yang diharapkan. Antara masalah-masalah yang dapat dikenal pasti adalah:

1.2.1 **Masalah-masalah Yang Dihadapi Oleh Pensyarah**

- a) Pendekatan yang digunakan oleh para pensyarah dalam usaha untuk membolehkan pelajar menguasai kosa kata bahasa Arab dengan baik dan berkesan. Dalam masalah ini, persoalan yang timbul adalah kesesuaian dan keberkesanannya pendekatan yang digunakan dalam sesi pengajaran.
- b) Bilangan pelajar yang terlalu ramai dalam sesuatu bilik darjah yang menghalang pemerhatian yang sepatutnya diberi oleh pensyarah kepada setiap pelajar dalam masa yang amat terhad.

- c) Percampuran pelajar di antara yang sudah mempunyai asas bahasa Arab dengan yang belum mempunyai asas dalam satu kelas juga menimbulkan suasana yang tidak stabil dalam pengajaran.
- d) Kekurangan alat bantu mengajar yang dapat menarik minat pelajar sekaligus memudahkan teknik pengajaran.

1.2.2 Masalah Yang Dihadapi Oleh Pelajar

- a) Kesukaran untuk menyebut dan mengingat kalimah-kalimah (kosa kata) bahasa Arab yang dianggap amat berbeza dengan bahasa Melayu yang tidak menggunakan morfem-morfem yang agak sukar dan ganjil bagi penutur Melayu.
- b) Faktor persekitaran amat mempengaruhi pelajar dalam penguasaan kosa kata bahasa Arab. Penggunaan bahasa yang dipelajari amatlah terhad di kalangan pelajar dimana pelajar hanya menggunakan bahasa yang dipelajari semasa berhadapan dengan pensyarah di bilik darjah .
- c) Selain dari masalah teknikal dan kaedah pembelajaran, sikap pelajar itu sendiri merupakan faktor yang amat penting dalam proses pembelajaran. Sikap malu dan rendah diri yang amat menebal di kalangan pelajar khususnya pelajar Melayu untuk cuba bertutur secara spontan sesama sendiri telah menyebabkan bahasa yang dipelajari tidak digunakan dalam kehidupan seharian, di samping tiada desakan ataupun kepentingan yang memaksa pelajar menggunakanannya.

Jadi dengan adanya masalah-masalah ini, keupayaan pelajar yang mempelajari bahasa Arab komunikasi untuk bertutur adalah tidak memuaskan. Kemahiran bertutur adalah merupakan aspek bahasa yang paling penting.

Menyedari akan hakikat ini, penulis merasakan perlu ada jalan penyelesaian di samping kaedah-kaedah yang lebih berkesan bagi membantu pelajar dalam menguasai kosa kata seterusnya dapat mewujudkan suatu jenerasi pelajar bahasa Arab yang mampu bertutur dan memahaminya tanpa bergantung kepada bahasa ibunda.

1.3 **Sorotan Kajian**

Secara umumnya, pengkajian khusus tentang kosa kata BA di masa lampau tidaklah begitu mendapat perhatian para sarjana BA. Kebanyakan karangan pakar terdahulu lebih ghairah kepada perbahasan mengenai sintaksis, morfologi, semantik dan retorik. Namun begitu, setelah penggunaan BA semakin berkembang di timur dan di barat dan penuturnya tidak lagi terhad kepada bangsa Arab sahaja maka timbul beberapa kajian yang khusus membincangkan mengenai kosa kata. Berikut disenaraikan contoh hasil kajian kosa kata oleh pakar-pakar bahasa samada dalam bentuk buku, artikel mahupun tesis atau disertasi.

Abu Qasim Al-Hasan Bin Muhammad (tt.) yang telah membincangkan tentang kepentingan kosa kata bahasa Arab dalam tulisannya *Al-Raghib al-Asfahāñi, al-Ma‘aruf fi Gharib al-Qurān*. Kajian ini amat menarik kerana ia memfokuskan tentang penguasaan sebutan dan makna (semantik) khusus nya dalam al-Quran. Beliau menegaskan bahawa penguasaan kosa kata BA merupakan asas utama untuk menguasai ilmu al-Quran. Secara ringkasnya, tulisan Abu Qasim ini berkisar tentang penguasaan kosa kata BA yang berkaitan dengan al-Quran.

Solange Moras (2001) seorang sarjana bahasa dari barat telah menghasilkan satu penulisan mengenai pengajaran kosa kata BI di peringkat lanjutan *Teaching Vocabulary*

To Advanced Students. Beliau menggariskan cara-cara pendekatan pengajaran yang sangat berkesan dan menarik iaitu cara-cara untuk melatih pelajar mengingati serta menggunakan kosa kata yang telah dipelajari dari peringkat asas dan pertengahan.

Terdapat juga sarjana bahasa dari Barat yang menghasilkan kajian tentang kosa kata BA iaitu Mark Van Mol (tt.) *Arabic Language and Vocabulary acquisition*. Dalam kajiannya, Mark berpendapat bahawa untuk mengajar BA di alaf baru ini, satu kurikulum baru patut digubal supaya ianya lebih menarik, ringkas dan berkesan. Beliau juga menghadkan bilangan kosa kata yang sepatutnya dikuasai pelajar dari peringkat asas hingga ke peringkat lanjutan.

Di antara pengkaji-pengkaji bahasa tempatan pula ialah :

Lohanayahi Baskaran (1984) telah menghasilkan satu artikel *Prinsip-perinsip Leksikologi Untuk Kaedah Pengajaran Perbendaharaan Kata*, Karangan bersama dengan Asmah haji Omar dalam buku *Kaedah Pengajaran Bahasa*. Karangan ini pula berbentuk garis panduan kepada guru-guru bahasa dalam pengajaran perbendaharaan kata, baik dari segi linguistik maupun pedagogi. Dalam tulisan ini, Lohanayahi telah memberi penekanan dalam dua aspek utama bagi kosa kata iaitu aspek bentuk (morphology) dan makna (semantics).

Ishak Muhammad Rejab dalam kajiannya *Mufradat al-Lughat: Ahammiyyatuha wakaifiyyat Tanmiyyatuha Wa Taziduha Li al-Talāmīz Fil al-Marhalat al-I'dādiyyat* membincangkan penguasaan kosa kata BA khusus bagi pelajar di peringkat sekolah rendah. Kajian ini amat menarik dan boleh dijadikan sebagai salah satu sumber bagi

pengkaji-pengkaji ilmu yang berkaitan di masa akan datang kerana pemilihan kosa kata yang mudah sangat sesuai dengan peringkat asas.

Manakala Abdul Rahman Chik (1994) dalam tesisnya *Ma‘ayir al-Tahakkum Fil al-Alfāz Fi Ta‘līm al-‘Arabiyyat Lil Mujtama‘at al-Islāmiyyat Fi janūb Sharqi Asiya* membincangkan mengenai pemilihan kosa kata BA yang sesuai dengan peringkat pengajaran dan pembelajaran. Batasan Kajian beliau agak meluas iaitu merangkumi seluruh masyarakat Islam di Asia Tenggara.

Sa‘ud Bin Ibrahim (1992) pula dalam disertasinya *Ta‘līm Mufradat al-Lughat al-‘Arabiyyat* lebih memfokuskan pengajaran bahasa Arab secara umum di peringkat sekolah menengah yang beraliran Arab.

Kajian ini merupakan kajian lanjutan untuk melengkapkan lagi kajian-kajian yang telah sedia ada. Namun begitu, kajian ini mempunyai perbezaan dengan kajian-kajian yang telah lepas di mana kajian ini lebih tertumpu kepada bahasa Arab komunikasi sahaja, peringkat pertengahan dan status sebagai bahasa asing atau bahasa ketiga.

Kajian ini juga lebih memfokuskan kepada permasalahan dalam pengajaran kosa kata iaitu mencari punca-punca kelemahan penguasaan kosa kata di kalangan pelajar termasuklah mengingati pecahan-pecahan kosa kata, mengolah dengan betul serta memahaminya dengan baik serta mencari pendekatan terbaik untuk mengatasi masalah itu. Dari segi batasan kajian pula, kajian ini lebih khusus kepada pengajaran kepada pelajar di peringkat sarjana muda UiTM yang mengambil kursus bahasa arab peringkat pertengahan sahaja. Di antara ciri-ciri kelainan yang terdapat dalam kajian ini ialah:

1. Kajian ini akan mengenal pasti permasalahan dalam pengajaran dan pembelajaran kosa kata serta mencari punca-puncanya.
2. Mengkaji jenis-jenis kosa kata yang sering menjadi masalah serta sukar untuk dikuasai oleh pelajar.
3. Mencari pendekatan dan kaedah yang paling sesuai dan berkesan untuk mengatasi masalah yang wujud.

1.4 **Objektif Kajian**

Dalam objektif kajian, penulis akan membahagikan kepada dua bahagian iaitu :

1.4.1 **Objektif Umum**

- a) Untuk melihat keberkesanan pengajaran bahasa Arab komunikasi.
- b) Untuk melihat masalah yang dihadapi oleh pensyarah.
- c) Untuk melihat masalah yang dihadapi oleh pelajar dalam pembelajaran.
- d) Mencari teknik-teknik pengajaran dan pembelajaran yang lebih berkesan.
- e) Mencari suatu pendekatan yang lebih berkesan dan menarik dalam pengajaran.

1.4.2 **Objektif Khusus**

- a) Mengenal pasti punca masalah penguasaan kosa kata di kalangan pelajar
- b) Menyelidik dan mengkaji jenis-jenis kosa kata yang dianggap susah oleh pelajar untuk menyebut dan mengingatinya.
- c) Mencari satu garis panduan yang berkesan dan sesuai dengan keupayaan pelajar dan pensyarah dalam pengajaran dan pembelajaran.

- d) Mengkaji teknik-teknik pengajaran kosa kata yang lebih ringkas dan berkesan sesuai dengan masa dan situasi setempat.

1.5 Kepentingan Kajian

Bahasa Arab pada hakikatnya merupakan satu-satunya bahasa yang paling penting dalam kehidupan seorang muslim. Jika kita tidak menggunakan bahasa ibunda dalam menjalani kehidupan seharian, kita masih boleh hidup seperti biasa dan tidak akan menghadapi masalah tetapi jika kita tidak menggunakan bahasa Arab sekurang-kurangnya lima kali sehari (*Solat*), nescaya kita sudah tidak layak lagi mengaku sebagai seorang muslim. Allah berfirman tentang kepentingan bahasa Arab dalam al-Quran :

(وَإِنَّهُ لَتَشْرِيفٌ رَبُّ الْعَالَمِينَ نَزَلَ بِهِ الرُّوحُ الْأَمِينُ عَلَى قَلْبِكَ لِتَكُونَ مِنَ الْمُنذِرِينَ بِلِسَانٍ عَرَبِيًّا مُبِينًا)

(Al-Syu'ara': 192-195:)

Maksudnya: “ *Dan sesungguhnya (al-Quran) itu diturunkan dari pada Tuhan semesta alam. Diturunkan oleh Malaikat al-Ruh al-Amin (Jibril) ke hatimu (Muhammad) supaya kamu menjadi salah seorang pemberi amaran, dengan lidah (bahasa) Arab yang jelas.* ”

Aspek kosa kata merupakan salah satu aspek yang terpenting dalam penguasaan bahasa. Pengkaji berpendapat, sebelum kita membincangkan aspek lain seperti sintaksis atau morfologi, terlebih dahulu kita mesti memastikan penguasaan kosa kata adalah baik kerana ianya merupakan asas terpenting.

Mahmood Farraj Abd. Hafiz (1991) mengatakan:

“ *Kosa kata merupakan unsur yang paling penting dalam bahasa (Arab) dan kebanyakan ahli bahasa menganggapnya (kosa kata) sebagai unsur yang paling penting. Maksud nya, kosa kata merupakan aspek utama yang membolehkan sesuatu*

ayat itu difahami sama ada dalam komunikasi mahupun teks yang dibaca".(Mahmood Farraj Abd Hafiz. 1991 Hal. 117)

Berdasarkan kepada kepentingan ini khususnya kepada pelajar UiTM, penulis merasa bertanggungjawab untuk mengenal pasti permasalahan yang dihadapi oleh pelajar dan pensyarah dalam pembelajaran dan pengajaran bahasa al-Quran khususnya penguasaan kosa kata di kalangan pelajar.

Penulis juga berpendapat, kajian-kajian seperti ini amat penting bagi membantu mereka yang terlibat secara langsung dalam pengajaran bahasa khususnya bahasa Arab untuk bersama-sama memberi yang terbaik kepada pelajar seterusnya mengikis anggapan pelajar bahawa bahasa Arab kononnya suatu bahasa yang amat susah dan tidak menarik untuk didampingi.

1.6 Limitasi dan Skop Kajian

Bidang ini menyentuh tentang masalah pengajaran kosa kata bahasa Arab yang diajar secara komunikasi di UiTM. Dalam menjalankan kajian, penulis akan memfokuskan kepada aspek berikut:

- a) Pengajaran dan pembelajaran kosa kata bahasa Arab peringkat pertengahan di UiTM.
- b) Masalah yang dihadapi oleh pensyarah dan pelajar.
- c) Kedudukan bahasa Arab sebagai bahasa asing/ketiga/elektif.
- d) Kepentingan Kosa kata dalam bahasa Arab.
- e) Keberkesanan pengajaran.

Jadi, limitasi kajian ini adalah mengenai keberkesanannya pengajaran kosa kata bahasa arab dalam komunikasi peringkat pertengahan Sarjana Muda di UiTM. Pemilihan ini berdasarkan pelajar-pelajar di peringkat ini telah melepassi peringkat permulaan atau peringkat asas mengikut sukanan yang disediakan oleh UiTM, ini bermakna mereka telahpun dibekalkan dengan kosa kata seperti kata nama, kata kerja dan partikel peringkat asas. Ini lebih memudahkan pengkaji untuk mengenal pasti kelemahan mereka dalam mengingat dan menggunakan kosa kata-kosa kata yang telah diajar. Dalam kajian ini, penulis akan memilih pelajar-pelajar bahasa Arab di peringkat pertengahan dan juga pensyarah-pensyarah bahasa Arab dari tiga kampus UiTM iaitu kampus Shah Alam, kampus Alor Gajah dan kampus Segamat.

1.7 Metodologi Kajian

Metodologi kajian melibatkan kaedah-kaedah dan prinsip-prinsip yang digunakan dalam melakukan kerja-kerja penyelidikan. Ianya akan dapat memberikan huraian mengenai subjek kajian yang telah dipilih dan penggunaan instrumen-instrumen tertentu. Ia juga akan memberikan gambaran mengenai rekabentuk kajian dan prosedur-prosedur yang perlu dipatuhi dalam menjalankan kerja-kerja kajian termasuk usaha-usaha pengumpulan dan penganalisaan data.

1.7.1 Kaedah Penyelidikan

Kajian ini adalah berbentuk lapangan dan menggunakan kaedah kaji selidik dengan tujuan untuk menghuraikan persoalan pengajaran kosa kata bahasa Arab sebagai bahasa asing di Universiti Teknologi Mara. Kaedah ini akan melibatkan penyelidikan laporan individu (*self-report study*) menggunakan soalan kaji selidik untuk mendapatkan data.

Hilway Tyrus berpendapat cara mencari kebenaran yang dipandang cara ilmiah adalah melalui metod penyelidikan. Kesimpulan tentang penyelidikan:

“ A method of study by which through the careful and exhaustive investigation of all acertifiable evidence bearing upon a definable problem, we reach a solution to that problem.”(Hilway Tyrus,1956)

“ Satu metod kajian yang berhati-hati dan penyelidikan yang menyeluruh dengan bukti-bukti yang disahkan menuju kearah masalah yang diterangkan, kita memperolehi kesimpulan dari masalah itu. ”

Soalan kaji selidik akan diedarkan kepada para pelajar dan pensyarah yang terlibat dengan proses pembelajaran dan pengajaran bahasa Arab di UiTM. Maklumat dan data yang diperolehi akan dapat memberikan gambaran mengenai masalah kosa kata di kalangan para pelajar untuk mempelajari serta menguasai bahasa Arab dan para pensyarah untuk mengajar bahasa Arab.

Para pelajar akan memberikan maklumat berkaitan masalah yang mereka hadapi dalam mempelajari bahasa Arab dan maklumat dari para pensyarah pula mengenai masalah yang mereka hadapi dalam pengajarannya. Kedua-dua maklumat yang diperolehi akan dapat memberikan gambaran sebenar masalah yang dihadapi dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab.

Penulis yakin bahawa metodologi soal selidik adalah lebih sesuai untuk mengenal pasti kelemahan pengajaran dan pembelajaran dan patut diberi keutamaan berdasarkan kajian ini adalah bertujuan untuk mendedahkan permasalahan semasa dan setempat. Ianya juga menjimatkan masa dan tenaga. Soal selidik juga merupakan alat pengukur yang sering digunakan dalam membuat sesuatu penyelidikan. Tujuan soal selidik adalah untuk

mendapatkan maklum balas berkenaan dengan fakta, kepercayaan perasaan dan kehendak (validity). Oleh kerana kajian ini tidak membincangkan analisis kesilapan sintaksis, morfologi dan sebagainya, maka pengkaji tidak akan menggunakan soal selidik berbentuk soalan ujian sebaliknya hanya akan menggunakan soalan berbentuk pengakuan jujur dan pendapat sama ada dari pihak pengajar maupun pelajar.

Soal selidik juga dapat meningkatkan ketepatan dan kebenaran gerak balas subjek terhadap rangsangan soalan yang diberi. Gerak balas serta jawapan yang diberikan oleh subjek tidak dipengaruhi oleh personaliti, imej penyelidik serta cara penyelidikan kerana penyelidik tidak hadhir sama semasa subjek memberi tindak balasnya. Mengikut David Hopkins, soal selidik ialah:

“Questionnaires that specific questions about aspects of the classroom, curriculum, or teaching method are a quick and simple way of obtaining broad and rich information from pupils.”(David Hopkin 1985)

“ Kaji selidik memerlukan soalan yang tertentu mengenai aspek bilik darjah, kurikulum, atau kaedah pengajaran adalah cepat dan cara yang mudah untuk mendapatkan maklumat yang banyak dan luas dari pelajar.”

1.7.2 **Subjek Kajian**

Subjek yang dipilih untuk kajian ini adalah kursus bahasa Arab yang menjadi bahasa elektif (bahasa asing atau bahasa ketiga) di Universiti Teknologi Mara (UiTM). Kursus bahasa Arab yang ditawarkan oleh UiTM melibatkan kursus-kursus di peringkat diploma dan ijazah Sarjana Muda. Kursus bahasa Arab di peringkat diploma melibatkan dua tahap iaitu BAB 101 (asas), BAB 102 (pertengahan) dan BAB 103

(lanjutan), manakala di peringkat ijazah melibatkan tiga tahap iaitu BAB 401 (asas), BAB 451 (pertengahan) dan BAB 501 (lanjutan).

Di antara Kampus UiTM yang menawarkan kursus bahasa Arab ialah kampus Shah Alam yang merupakan kampus induk, kampus Kelantan, Perlis, Melaka, Johor, Terengganu, Pahang, Sabah dan Sarawak. Untuk menjalankan kajian soal selidik ini, penulis telah memilih seramai sepuluh orang pensyarah bahasa Arab dari tiga kampus iaitu enam pensyarah dari kampus Shah Alam, dua pensyarah dari kampus Melaka dan dua pensyarah dari kampus Johor manakala pelajar pula, pemilihan dibuat dari tiga kampus yang sama iaitu seramai seratus pelajar peringkat Sarjana Muda yang mengambil kursus bahasa Arab BAB 451 (peringkat pertengahan).

Pemilihan pelajar-pelajar peringkat pertengahan sebagai subjek dibuat adalah kerana pelajar-pelajar di peringkat ini telah melepassi peringkat permulaan yang mana mereka ini sekurang-kurangnya telah menguasai kosa kata bahasa Arab peringkat asas. Pelajar-pelajar yang telah melepassi atau lulus peringkat permulaan sepatutnya telah dapat menguasai kosa kata seperti Kata Nama, Kata Kerja, dan Partikel asas contoh nya:

(مَدْرَسَةٌ) Kata Nama, (دَخْلٌ) Kata Kerja dan (عَلَىٰ) Partikel.

Untuk mengenalpasti permasalahan yang timbul dalam pembelajaran, penulis akan mengedarkan soal selidik berupa soalan bertulis yang berkaitan dengan kajian yang dibuat, khususnya mengenai kosa kata. Pelajar-pelajar tidak perlu berfikir panjang atau mencari idea untuk menjawab soalan-soalan yang diberi kerana penulis telah menyediakan jawapan-jawapan yang hanya akan dipilih berpandukan pengakuan pelajar secara jujur mengikut kemampuan masing-masing.

1.7.3 Instrumen Kajian

Dalam menjalankan kajian ini, penulis menggunakan soalan bertulis untuk diedarkan kepada pensyarah-pensyarah BA dan juga pelajar-pelajar BA. Soalan ini berbentuk soalan pilihan di mana pensyarah dan pelajar tidak perlu berfikir panjang untuk menjawab. Memandangkan kajian ini bukan analisis kesilapan, maka penulis tidak menyediakan soalan berupa ujian. Soalan-soalan yang diedar memfokuskan tentang pendedahan wujudnya kelemahan kosa kata dalam pengajaran dan pembelajaran BA merangkumi kelemahan pelajar mengingati kosa kata dan pecahan-pecahannya serta cara menggunakanya mengikut jenis ayat. Bentuk-bentuk soalan yang disediakan kepada pensyarah ialah:

1 – Maklumat Peribadi

- a) Jantina
- b) Umur
- c) Kelulusan akademik
- d) Bidang pengkhususan
- e) Institusi pengajian
- f) Pengalaman mengajar bahasa Arab
- g) Pernah mengikuti kursus pengajaran bahasa Arab

2 – Maklumat Pengajaran

- a) Kaedah pengajaran yang digunakan
- b) Komen tentang kaedah yang sedang digunakan
- c) Aspek-aspek pengajaran yang sering diberi penekanan
- d) Penggunaan alat bantu mengajar
- e) Halangan-halangan yang sering dihadapi semasa melatih pelajar berkomunikasi dalam bahasa Arab

- f) Pendapat mengenai penguasaan kosa kata merupakan aspek utama dalam pengajaran dan pembelajaran
- g) Pendapat mengenai penguasaan kosa kata di kalangan pelajar
- h) Jenis Kosa kata yang kerap menjadi masalah untuk dikuasai pelajar
- i) Faktor-faktor penyebab kelemahan menguasai kosa kata di kalangan pelajar
- j) Pendapat mengenai kepentingan kosa kata dalam pengajaran bahasa Arab
- k) Saranan dan cadangan untuk mengatasi masalah

Manakala bentuk soalan kaji selidik yang diedarkan kepada pelajar pula ialah:

1 – Maklumat peribadi

- a) Jantina
- b) Umur

2 – Maklumat pembelajaran

- a) Pengetahuan asas bahasa Arab
- b) Jumlah jam matapelajaran BA dalam seminggu
- c) Keputusan peperiksaan semester lepas
- d) Minat
- e) Anggapan tentang BA
- f) Masalah yang sering dihadapi ketika Bertutur dalam BA
- g) Jenis Kosa kata yang menjadi masalah ketika bertutur dan menulis
- h) Cara mengingati atau menghafaz BA yang digunakan

3 – Persekutaran dan Aktiviti

- a) Bahan dan sumber BA di kuliah
- b) Kekerapan menggunakan kaset atau video semasa belajar BA
- c) Penglibatan dalam aktiviti BA di kuliah
- d) Jenis-jenis aktiviti BA yang diminati

4– Soalan Mengenai Kosa kata

- a) Pendapat mengenai perbezaan di antara BA dan BM dari segi sebutan
- b) Pendapat tentang ujud atau tidak masalah untuk mengingati kosa kata BA
- c) Kenal atau tidak jenis Kosa kata (اسْمُ)
- d) Pengetahuan Kata Nama asas seperti anggota badan, alat tulis, warna-warna, pekakas dapur, jenis-jenis kenderaan, jenis-jenis sukan dan sebagainya.
- e) Penguasaan pecahan Kata Nama iaitu : *Mufrad, Muthanna* dan *Jama'*
- f) Prestasi dalam empat kemahiran asas iaitu:
 - Kemahiran Mendengar
 - Kemahiran Bertutur
 - Kemahiran Membaca
 - Kemahiran Menulis
- g) Tahap dalam membezakan pecahan Kosa kata BA iaitu Kata Nama, Kata Kerja dan Partikel.
- h) Tahap penguasaan Kosa kata BA di antara Maskulin dan Feminin.
- i) Tahap penguasaan Kosa kata Ganti Nama BA.
- j) Pengetahuan tentang pecahan Ganti Nama BA.
- k) Pengetahuan tentang pecahan Kata Kerja BA.

1.7.4 Rekabentuk Kajian

Dalam kajian ini, penulis menggunakan sumber premier, iaitu maklum balas secara langsung dari responden tanpa menggunakan pihak atau orang ketiga dalam menjalankan kajian soal selidik. Responden yang dimaksudkan ialah pensyarah dan pelajar. Penulis telah mengedarkan soalan-soalan bertulis yang berupa soalan pilihan untuk diisi oleh responden. Penulis tidak menjalankan interviu secara langsung iaitu

wawancara kerana ianya berkemungkinan tumbul rasa gugup atau malu di kalangan pelajar dan pensyarah semasa menjawab soalan-soalan yang dikemukakan.

Data-data yang dikumpul melibatkan persoalan-persoalan seperti berikut:

- a) Pengtahuan asas BA di kalangan pelajar.
- b) Kelayakan dan pengalaman pensyarah
- c) Keadaan persekitaran pembelajaran dan pengajaran
- d) Kaedah pengajaran yang digunakan
- e) Tahap penguasaan Kosa kata BA di kalangan pelajar
- f) Bentuk-bentuk masalah Kosa kata serta punca-punca masalah.

1.7.5 **Prosedur Kajian**

Kajian ini dijalankan melalui beberapa prosedur tertentu. Di antara prosedur tersebut ialah:

1.7.5.1 **Pemilihan Sampel**

Pemilihan sampel dibuat di UiTM yang melibatkan pelajar-pelajar peringkat Sarjana Muda yang mengambil kursus bahasa Arab peringkat pertengahan dan juga pensyarah-pensyarah bahasa Arab dari kampus Shah Alam, Kampus Alor Gajah (Melaka) dan kampus Segamat (Johor).

1.7.5.2 **Responden**

Kajian ini memilih dua responden iaitu:

- a) Pensyarah-pensyarah bahasa Arab di UiTM dari tiga kampus iaitu UiTM kampus Shah Alam, Kampus Alor Gajah (Melaka) dan kampus Segamat (Johor).

- b) Pelajar-pelajar UiTM peringkat Sarjana Muda yang mengambil kursus bahasa Arab peringkat pertengahan juga dari kampus Shah Alam, kampus Alor Gajah dan Segamat.

1.7.5.3 Pengedaran Soalan Kaji Selidik

Setelah sampel dan responden yang akan dikaji telah dipastikan, penulis akan mengedarkan satu set soalan kaji selidik kepada setiap pensyarah seramai sepuluh orang dan satu set soalan kaji selidik kepada setiap pelajar yang berkenaan seramai seratus orang. Penulis juga akan memastikan bahawa setiap soalan yang dikemukakan akan difahami dengan jelas dan tidak akan menimbulkan keraguan atau masalah kepada responden untuk menjawabnya.

1.7.5.4 Pengumpulan Data

Setelah kerja-kerja mengedarkan soalan-soalan kaji selidik selesai dijalankan, maklumat-maklumat atau data-data yang telah dipungut akan dikumpul untuk dianalisis. Kerja-kerja menganalisis data ini akan dijalankan melalui program “Statistic Package of Social Science” (SPSS) untuk memastikan ianya lebih cepat dan tepat.

1.7.5.5 Analisis Data

Analisis data dibuat bertujuan untuk:

- Mengenalpasti kewujudan masalah dalam pengajaran dan pembelajaran BA.
- Mencari punca masalah yang dihadapi oleh pensyarah dan pelajar.
- Memastikan jenis permasalahan yang dihadapi.

- c) Mencari kelemahan yang wujud dalam pendekatan dan kaedah pengajaran yang telah sedia ada.

1.8 **Pengumpulan dan penganalisaan Data**

Hasil dari kerja-kerja penyelidikan yang telah dijalankan, penulis dapat mengumpul dua sumber premier sebagai data terpenting iaitu:

a) **Pensyarah**

Sumber premier pertama ialah data yang diperolehi dari pensyarah, iaitu salah satu responden terpenting hasil dari kajian soal selidik yang telah diedarkan. Data-data yang diperolehi ini dikumpul dan dianalisis melalui program SPSS untuk mencari peratusan dan juga bentuk analisis yang lain. Dengan terkumpulnya data-data ini, pengkaji dapat mencari punca-punca permasalahan yang timbul dalam pengajaran sama ada melalui pengakuan jujur oleh responden ataupun melalui analisis yang dibuat melalui bentuk soalan yang lain.

b) **Pelajar**

Sumber kedua ialah pelajar. Data yang diperolehi dari responden kedua ini juga akan dikumpulkan melalui program SPSS. Melalui data yang dikumpul, pengkaji akan meneliti punca permasalahan dalam pembelajaran sama ada permasalahan dalaman maupun luaran.

1.8.1 Pengagihan Data

Pengagihan data-data akan dibuat mengikut kategori-kategori tertentu seperti:

a) Pensyarah

- Latar belakang
- Kelulusan dan kelayakan
- Pengalaman
- Kaedah yang digunakan
- Pandangan atau pendapat mengenai pendekatan yang telah digunakan
- Komen tentang permasalahan serta cara mengatasi.

b) Pelajar

- Latarbelakang
- Pengetahuan asas BA
- Minat
- Pendapat mengenai BA
- Punca permasalahan yang di hadapi
- Jenis masalah yang dihadapi
- Komen dan cadangan

1.8.2 Penganalisaan Berdasarkan Pengagihan

Setelah semua data-data terkumpul, satu analisis akan dibuat mengikut pengagihan data-data tersebut. Data-data yang diperolehi dari pensyarah akan diagihkan kepada:

- a) Maklumat peribadi
- b) Maklumat Pengajaran
- c) Masalah Pengajaran Kosa kata

Manakala data-data yang diperolehi dari pelajar pula diagihkan kepada:

- a) Maklumat peribadi
- b) Maklumat pembelajaran
- c) Masalah pembelajaran kosa kata

Di peringkat analisis, data-data tersebut akan dijadikan dalam bentuk jadual.

1.9 **Tentatif Kajian**

BAB PERTAMA.

Bab pertama merupakan pengenalan kepada bab seterusnya. Bab ini dimulai dengan pendahuluan yang menjelaskan kelemahan penguasaan pelajar dalam Bahasa Arab dan pandangan umum masyarakat kita terhadap Bahasa Arab yang menganggap ianya susah, tidak menarik dan sering dikaitkan dengan ugama semata-mata.

Penulis juga akan membincangkan objektif kajian bidang kajian, kepentingan kajian dan metodologi kajian yang meliputi kaedah kajian, instrumen kajian, prosedur kajian, pengumpulan dan penganalisaan data. soal selidik yang akan dijalankan di UiTM yang melibatkan pensyarah dan pelajar di peringkat pertengahan untuk mengenalpasti permasalahan yang dihadapi, soal selidik ini adalah melalui soalan bertulis.

Mengenai batasan kajian pula, penulis menfokuskan dalam bidang kosa kata (*mufrada*) dan hanya melibatkan pensyarah dan pelajar peringkat pertengahan (Sarjana Muda) di UiTM sahaja.

BAB KEDUA

Dalam bab ini , penulis akan memulakan dengan sejarah perkembangan bahasa Arab di UiTM, latar belakang Pusat Bahasa dan Unit Bahasa Arab di UiTM.Penulis juga akan membincangkan tentang kaedah pengajaran secara umum dan juga kaedah yang diamalkan di UiTM serta objektif-objektif pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab di UiTM, peringkat-peringkat yang diajar, permasalahan dalam pengajaran dan pembelajaran luaran serta dalaman.

BAB KETIGA

Dalam bab ini penulis akan membincangkan kepentingan kosa kata dalam bahasa Arab serta bahagian-bahagian dan pecahan-pecahannya.

penemuan-penemuan dan hasil-hasil penulisan yang berkaitan dengan masalah pengajaran kosa kata. Perbincangan ini dimulai dengan huraihan berkaitan kosa kata dalam bahasa arab, bahagian-bahagian serta pecahan-pecahan kosa kata, kosa kata-kosa kata bahasa Arab yang telah dimelayukan, kepentingan dan kaitannya dengan penulisan, pembacaan dan pertuturan.

BAB KEEMPAT

Dalam bab ini pengkaji akan membincangkan mengenai analisa data yang diperolehi daripada kajian yang telah dilakukan berdasarkan maklumat yang telah dikumpul dan dianalisis. Hasil kajian ini akan memberikan keputusan mengenai masalah penguasaan kosa kata yang dihadapi oleh para pelajar yang mengambil kursus bahasa Arab peringkat pertengahan di UiTM.

BAB KELIMA

Penulis akan membuat rumusan hasil dari soal selidik yang telah dijalankan serta cadangan-cadangan kepada pihak-pihak yang terlibat seperti pengajar, pelajar serta pihak universiti untuk mengatasi masalah dengan mencadangkan kaedah-kaedah yang lebih berkesan dan menarik serta tidak menjemu.

Inilah gambaran kasar rangka kajian yang akan dijalankan. Diharap, kajian ini nanti akan mendapat kejayaan di samping menambahkan lagi sumbangan bahan rujukan untuk dikongsi bersama terutama bagi mereka yang terlibat secara langsung dalam bidang pengajaran bahasa Arab khususnya Bahasa Arab komunikasi. Semoga Allah sentiasa memberi petunjuknya kepada pengkaji untuk menghasilkan satu penulisan ilmiah demi menambahkan lagi khazanah ilmu untuk memartabatkan bahasa Arab dalam masyarakat dan negara kita yang tercinta Insyaallah.